

SUKARNO KECIL

Ming M 6 SEP 1992

GAMBAR kulit FEER keluaran 20 Ogos menggunakan ilustrasi Dr. Mahathir berdiri mengangkat tangan kanannya dan sebelah tangan lagi di pinggang bagi hiasan rencana *Malaysia's Mahathir NEW VOICE FOR THE THIRD WORLD* (Suara Baru Dunia Ketiga).

Ilustrasi ini segera mengingatkan Awang atau mungkin siapa sahaja kepada gambar Kim Il Sung diktator Korea Utara di dalam keadaan yang sama.

Walaupun keseluruhan rencana mengenai Dr. Mahathir di dalam keluaran itu tidaklah memberikan gambaran negatif kepada Malaysia tetapi maksud ilustrasi itu adalah jelas kepada Sidang NAM di Jakarta terutama sekali apabila ada diplomat Indonesia menyebutkan Mahathir sebagai "Sukarno Kecil."

Dalam keluaran 27 Ogos pula disiarkan gambar Dr. Mahathir dalam wajah marah dan bengis beserta dengan surat beliau kepada seorang aktivis alam sekitar Swiss, Bruno Manser.

Mungkin secara halus FEER mahu mengingatkan Dunia Ketiga supaya berhati-hati terhadap orang yang didakwa olehnya mahu menjadi pemimpin mereka. (Mahathir telah menafikan ini di Jakarta).

Dalam hal ini Awang terfikir apakah mana-mana Perdana Menteri di dunia ini mahu menulis surat kepada seorang biasa malah seorang yang telah menjadi pengacau dalam negaranya. Mahathir sanggup pula menemui Bruno di Rio Jun lalu.

Tentu sesiapa pun tidak memikirkan Saddam Hussein, Muammar Gaddafi, Lee Kuan Yew, Suharto atau Kim Il Sung akan sedia menemui orang seperti ini.

Di Malaysia Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menterinya bebas berjalan di tengah-tengah orang ramai malah ada kalanya Ghafar Baba membawa kereta sendiri seorang diri.

"Sukarno Kecil" tidak akan sanggup pergi makan di Restoran Natarabu yang terletak di tengah-tengah kawasan sesak Jakarta — seperti kawasan Chow Kit di Kuala Lumpur.

Presiden George Bush tidak boleh melakukan ini di Amerika Syarikat dan Perdana Menteri John Major juga tidak boleh melakukannya di Britain di sebalik kepercayaan mereka yang kuat kepada kebebasan dan demokrasi. Inilah bezanya antara demokrasi dan kebebasan di Barat dan di Amerika dengan demokrasi dan kebebasan di Malaysia.

Dengan tujuan untuk menunjukkan kenakalan CIA di FEER dan bahawa kita mempunyai kepercayaan diri sendiri maka Awang siarkan ilustrasi kulit FEER yang bertujuan menyamakan Mahathir dengan Kim Il Sung. (Ada gambar yang lebih tepat yang pernah Awang lihat tetapi gagal untuk ditemui untuk siaran).

Awang — Tetap nampak tujuan jahat.

Ma 11 - 6 SEP 1992 MAHATHIR KECIL

AKHBAR-AKHBAR Indonesia telah memulaukan ucapan Mahathir di Sidang Puncak Negara Berkecuali di Jakarta minggu lalu sekalipun para perwakilan sidang itu menganggapnya sebagai berani dan bernas. (Akhbar-akhbar Malaysia di dalam berbagai bahasa telah menyiarkan dengan panjang lebar ucapan Presiden Suharto malah ada yang memberikannya tempat di muka I).

Bagaimanapun Mahathir tidak merasa tersinggung dengan sikap media Indonesia itu kerana katanya "ada satu akhbar Inggeris menyiarkan sedikit ucapan saya dan sudah tentulah ucapan Presiden Suharto mengatasi ucapan saya kerana beliau pengerusi persidangan dan tuan rumah," kata Mahathir.

Barangkali pada perhitungan orang tertentu di Indonesia suara Mahathir tidak nyaring kalau disiarkan dalam bahasa Inggeris tetapi berjuta yang akan mendengarnya kalau dalam bahasa Melayu.

Bagaimanapun sikap akhbar-akhbar Indonesia itu tidak membayangkan sikap wartawan-wartawan Indonesia terhadap Mahathir kerana lebih 300 orang wartawan dan yang paling ramai wartawan Indonesia menghadiri sidang akhbar Mahathir malah memberikan tepukan terhadap jawapan-jawapannya yang tajam.

Mereka bertepuk bila sindiran seorang diplomat Indonesia terhadapnya sebagai "Sukarno Kecil", dijawab oleh Mahathir dengan mengatakan bahawa "di negara saya sendiripun saya hanya dianggap sebagai Mahathir Kecil."

Pihak tertentu di Indonesia hanya berjaya untuk mendapat kerjasama akhbar-akhbarnya memulaukan ucapan Mahathir tetapi gagal untuk mendapat kerjasama mereka untuk memulaukan Mahathir.

Bagaimanapun sikap akhbar-akhbar Indonesia mestilah difahami dengan baik oleh rakyat Malaysia.

Suara Mahathir di dalam masalah antarabangsa terutamanya sekali berhubung dengan soal tekanan ekonomi Barat, ketidakadilan order baru, kepincangan demokrasi Amerika dan sikap Barat terhadap masalah Islam Bosnia mudah menarik perhatian rakyat Indonesia serta dihayati dan dihargai oleh mereka.

Orang Islam di Indonesia melihat bahawa "Mahathir Kecil" bertindak lebih besar dari "Indonesia besar" seperti memelopori tindakan memutuskan hubungan diplomatik dengan Yugoslavia yang menjadi dalang kepada penganas-pengganas Serb yang menyeksa dan membunuh orang-orang Islam Bosnia.

Sebaliknya Indonesia lebih suka untuk melihat masalah ini sebagai masalah kemanusiaan dan untuk menenangkan perasaan dalam negara, Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas telah cuba meyakinkan rakyat Indonesia bahawa tindakan-tindakan seperti yang dilakukan oleh Malaysia tidak begitu

waras. (Beliau tidak menyebut Malaysia tetapi orang tua macam Awang faham).

Kenyataan itu sukar untuk meyakinkan orang Islam di Indonesia dan membuatkan mereka terus tertanya-tanya kenapa Mahathir yang mewakili hanya 48% orang Islam dapat bersuara lebih terus terang dari pemimpin yang mewakili 97% orang Islam.

Jawapannya ialah jika Indonesia tidak hati-hati di dalam mengendalikan masalah Bosnia maka mungkin ia akan memarakkan api kemarahan 97% orang Islam dan membahayakan keselamatan 5% bukan Islam. 97% sukar untuk dikawal.

Selain dari itu amat mudah untuk membangkitkan perasaan rakyat dalam sebuah negara yang mencapai kemerdekaan dengan revolusi dan kemudian menghadapi satu demi satu revolusi berdarah tetapi sukar untuk memadamkan akibatnya.

Indonesia sekarang berada di dalam proses untuk membentuk dan memantapkan kematangan masyarakat supaya melupakan revolusi sebagai jalan keluar kepada masalah-masalah negara.

Sementara itu Malaysia pula telah sampai kepada peringkat kematangan yang sukar untuk digunggu-gugat oleh isu-isu yang bersifat emosi kerana mereka telah dapat merasakan hasil dari kestabilan negara yang diasaskan atas suatu sistem sosial dan politik yang matang dari sejak awal kemerdekaan.

Maka itu sekalipun ia adalah abang kepada Malaysia tetapi Indonesia hanya baru memasuki peringkat kematangan sejak dipimpin oleh Suharto.

Oleh kerana memahami keadaan inilah maka Perdana Menteri Malaysia Mahathir Mohamad menyatakan "tidak tersinggung" dengan pemuluan ucapannya oleh media Indonesia.

Lagi pula Mahathir memberitahu tujuan kedatangannya ke Sidang Puncak NAM di Jakarta itu bukanlah untuk "mencuri perhatian" daripada Indonesia sebagai tuan rumah.

"Kami tidak boleh mencuri perhatian kerana kami sebuah negara kecil dengan penduduk hanya 18 juta berbanding dengan Indonesia mempunyai 180 juta penduduk," katanya.

Bagaimanapun kiranya Indonesia terus merasakan Malaysia tetap mencuri perhatian sekalipun Mahathir sudah pulang ke Malaysia maka itu hanyalah menunjukkan bahawa Indonesia masih berada di peringkat awal kematangan tetapi Malaysia sudah masak dalam kematangan.

Awang — Tetap melihat Suharto lebih besar dari Sukarno.

Awang Selamat